

# Hong Leong Dana Makmur

## Mencari peluang pertumbuhan melalui pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah



**LSEG Lipper  
Fund Awards**  
2024 Winner  
Malaysia



**LSEG Lipper  
Fund Awards**  
2024 Winner  
Global Islamic

- Ekuiti Malaysia – Islamik Malaysia, 10 Tahun
- Ekuiti Malaysia – Islamik Global, 10 Tahun



- Pelaburan bertemakan sosial, tanggungjawab dan etika
- Potensi pertumbuhan modal daripada pelaburan dalam ekuiti yang mematuhi prinsip Syariah
- Diuruskan secara aktif untuk meraih peluang dan mengurangkan risiko pasaran

<b>Kategori Dana</b>	Ekuiti (Islamik)
<b>Jenis Dana</b>	Pertumbuhan
<b>Penilaian Risiko Produk</b>	Tinggi
<b>Objektif Pelaburan</b>	Dana ini bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten dalam jangka sederhana hingga panjang* dengan pelaburan yang mematuhi sepenuhnya prinsip Syariah. * 3 hingga 5 tahun
<b>Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)</b>	Ekuiti patuh Syariah: Minimum 70% Instrumen pasaran wang Islamik dan sukuk: Maksimum 30%
<b>Pelaburan Awal Minimum</b>	Pelaburan tunai atau Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
<b>Pelaburan Tambahan Minimum</b>	Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
<b>Caj Jualan</b>	Pelaburan tunai: Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Skim Pelaburan Ahli KWSP: Sehingga 3.00% dari NAB seunit
<b>Yuran Tahunan Pengurusan</b>	Sehingga 2.00% setahun
<b>Yuran Tahunan Pemegang Amanah</b>	0.07% setahun, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj kustodian asing)

### Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)

Hong Leong Asset Management Bhd merupakan salah satu Institusi Pengurusan Dana yang dilantik di bawah SPA-KWSP. Ahli KWSP boleh melaburkan tidak lebih daripada 30% lebihan simpanan pada Simpanan Asas dalam Akaun 1 ke dalam produk melalui Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan. Amaun minimum pengeluaran pelaburan adalah RM1,000 dan pelaburan boleh dibuat sekali pada setiap tiga bulan dari tarikh pengeluaran terakhir. Sila rujuk jadual Simpanan Asas KWSP terkini untuk menentukan kelayakan pelaburan. Sila hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami untuk senarai terkini Dana. Ahli KWSP yang ingin membuat tukaran di bawah SPA-KWSP tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama dan Kedua bertarikh 18 Ogos 2023 dan 5 Januari 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyor atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pengedar sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Di mana agihan / pecahan unit diisytiharkan, pelabur dimaklumkan bahawa NAB seunit akan berkurangan dari NAB sebelum-agihan/NAB sebelum-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembiayaan unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko penerbit tunggal dan risiko pengelasan semula status Syariah. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan. LSEG Lipper Fund Awards, ©2024 LSEG. Semua hak terpelihara. Digunakan di bawah lesen. Anugerah ini diberikan oleh penyedia data dana bebas, LSEG Lipper.

